

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah dan jenis pelaburan yang telah berjaya dibawa masuk ke negeri Terengganu terutama di daerah Setiu sejak daripada pelancaran Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER).

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) telah ditubuhkan pada tahun 2007 bagi menangani masalah ketidakseimbangan ekonomi antara wilayah di Pantai Timur, Semenanjung Malaysia, termasuklah Negeri Terengganu melalui pelaksanaan projek dan program yang berdaya maju, seimbang dan mampan.

Jumlah pelaburan terkini (diluluskan dan komited) di Negeri Terengganu dari 2007 sehingga suku tahun ketiga 2015 adalah sebanyak **RM27.1 bilion** dan ianya dianggarkan akan mewujudkan sebanyak **25,279 peluang pekerjaan** kepada warga tempatan. Pelaburan yang diluluskan merangkumi sektor pembuatan (RM13.02 bilion), bioekonomi (RM6.39 bilion), pelancongan (RM3.65 bilion), minyak, gas dan petrokimia (RM2.3 bilion), hartanah (RM1.05 bilion), perkhidmatan (RM0.45 bilion), pendidikan (RM0.19 bilion), pertanian (RM0.05 bilion), pembinaan (RM0.03 bilion) dan logistik (RM0.01 bilion). Khusus bagi **daerah Setiu**, sebanyak **RM464 juta pelaburan telah diluluskan** bagi tempoh yang sama iaitu dalam sektor pembuatan (RM450 juta), pertanian (RM7.74 juta) dan pelancongan (RM6.0 juta) yang mampu menjana sebanyak **360 peluang pekerjaan** kepada warga tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2015
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan harga terkini rumah dan penempatan terutamanya dikawasan bandar yang dikatakan semakin hari kian meningkat kosnya. Adakah Kerajaan memantau kenaikan harga tersebut selaras dengan kadar kemampuan rakyat Malaysia kini. Apakah langkah untuk mengawal kenaikan ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan harga rumah dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya adalah kos tanah, kos bahan binaan dan buruh serta aktiviti spekulasi.

Malaysia mengamalkan sistem pasaran ekonomi bebas dan ianya turut melibatkan sektor hartanah dalam negara. Hal yang demikian menyebabkan Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk menentukan harga dalam pasaran hartanah. Namun demikian, pelbagai bentuk inisiatif dan insentif telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi memastikan kestabilan harga rumah. Berdasarkan Laporan Pasaran Harta 2014, peningkatan harga rumah dilaporkan terkawal dengan kadar peningkatan yang lebih perlahan berbanding beberapa tahun sebelumnya. Ia adalah hasil usaha berterusan yang diambil oleh Kerajaan untuk membendung spekulasi harga rumah.

Harga rumah yang tinggi lazimnya berlaku di bandar-bandar utama khususnya di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak

yang disebabkan oleh peningkatan kos tanah dan kos bahan binaan. Berdasarkan Laporan Indeks Harga Rumah Malaysia (NAPIC), harga semua rumah bagi kelima-lima negeri tersebut pada suku pertama tahun 2015 adalah antara RM349,935 sehingga RM693,834 manakala bagi negeri-negeri lain adalah antara RM148,246 sehingga RM228,830.

Antara inisiatif yang berkesan untuk menstabilkan harga rumah adalah dengan meningkatkan bekalan rumah dalam pasaran. Oleh itu, Kerajaan telah menyasarkan pembinaan 1 juta unit rumah mampu milik (dalam tempoh 2013 - 2018) yang digerakkan oleh sektor awam dan swasta termasuklah 500,000 unit oleh Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Bagi memastikan sasaran tersebut tercapai, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menubuhkan Jawatankuasa Perumahan Negara (JPEN) yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri KPKT yang bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Kerajaan juga telah menubuhkan Majlis Perumahan Negara (MPN) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri yang berperanan untuk merangka strategi dan pelan tindakan secara menyeluruh, menyelaraskan aspek perundangan dan mekanisme harga hartanah serta memastikan penyediaan rumah secara lebih efektif dan efisien.

Kerajaan juga mengambil inisiatif untuk membantu rakyat dengan melepaskan (*release*) tanah-tanah milik Kerajaan bagi tujuan pembinaan lebih banyak rumah mampu milik dan sekaligus berupaya menstabilkan harga rumah. Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah memberikan pelbagai insentif dalam bentuk subsidi bagi Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), *facilitation grant* menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) oleh Unit Kerjasama Awam - Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri dan lain-lain.

Antara langkah-langkah lain yang telah diambil bagi mengawal kadar kenaikan harga rumah adalah seperti berikut:-

- (i) Menaikkan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai tahun 2014;
- (ii) Meningkatkan harga jualan minimum hartanah oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM1juta per unit;

- (iii) Meningkatkan ketelusan harga jualan di mana pemaju perlu mempamerkan butiran terperinci jualan termasuklah semua manfaat / insentif yang akan bakal diperolehi oleh pembeli;
- (iv) Melarang pemaju melaksanakan kaedah *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) yang bukan hanya mengelirukan pembeli malah akan memberi kesempatan kepada pemaju untuk memanipulasi kos pembinaan yang akhirnya terpaksa ditanggung oleh pembeli itu sendiri;
- (v) Mewajibkan semua pemaju melaporkan sebarang aktiviti pembelian pukal melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat; dan
- (vi) Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengeluarkan panduan LTV (*Loan To Value*) yang menetapkan bahawa hanya 70% pinjaman akan diberikan kepada setiap pembelian rumah ketiga dan seterusnya. Selebihnya, pembeli perlu menanggung sendiri.